

15/08/2002

MB belum putus jawatan Abu Sujak

Fazallah Pit

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo belum memutuskan sama ada Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Abu Sujak yang kontraknya tamat September depan akan diteruskan ataupun diganti.

Katanya, beliau masih memikirkan perkara itu, tetapi belum mempunyai sebarang keputusan kerana masih mempunyai tempoh satu bulan untuk berbuat demikian.

"Yang pasti, kita mahukan orang politik terus memegang jawatan Datuk Bandar tetapi soal lain, saya masih memikirkannya," katanya menjawab soalan pemberita selepas Mesyuarat Exco, di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Dr Mohamad Khir berkata, beliau masih meneliti senarai wakil MCA dalam majlis perbandaran bagi memastikan hanya mereka yang bersih saja dipilih.

Beliau berkata, keputusan mengenai pemilihan akan diumumkan minggu depan, tetapi mengesahkan wujud perubahan wakil MCA kali ini.

"Saya sudah tengok sampai senarai calon ke-70 dan belum ada keputusan lagi. Tunggulah. Saya juga sudah berbincang dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Leong Sik pada Isnin lalu," katanya.

Mengenai kelewatan pemilihan wakil MCA, Dr Mohamad Khir berkata, perkara itu disebabkan kerajaan negeri lewat menerima senarai wakil MCA, tetapi ia tidak menjejaskan fungsi PBT.

Beliau turut menafikan khabar angin kononnya Dr Ling membawa senarai nama tertentu yang kononnya direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipilih sebagai wakil MCA.

"Itu tidak betul. Kita yang tentukan siapa wakil MCA berdasarkan senarai yang diterima," katanya.